



# GARIS PANDUAN ENTITI KECEMERLANGAN

Universiti Teknologi MARA

## 1.0 KRITERIA ENTITI KECEMERLANGAN

---

### 1.1 Kumpulan Inisiatif Penyelidikan (RIG)

- i. Pemohon / Ketua EK adalah **WAJIB** membuat pembentangan di Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Kolej atau Jawatankuasa Penyelidikan UiTM Negeri berkenaan permohonan penubuhan EK. Sokongan penubuhan EK berbentuk surat rasmi keputusan mesyuarat atau minit mesyuarat seterusnya dilampirkan bersama Borang Permohonan Penubuhan EK.
- ii. Permohonan penubuhan RIG yang disokong oleh Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Kolej atau Jawatankuasa Penyelidikan UiTM Negeri juga adalah tertakluk kepada kriteria penubuhan RIG.
- iii. Permohonan penubuhan RIG yang telah disokong oleh Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Kolej atau Jawatankuasa Penyelidikan UiTM Negeri kemudian akan disyorkan oleh Jawatankuasa Kecil Entiti Kecemerlangan (JKEK) dan diluluskan oleh Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK). Kelulusan ini seterusnya akan dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU).
- iv. Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) keahlian dan digalakkan termasuk ahli dari luar fakulti/kolej/kampus cawangan.
- v. Ketua RIG mesti sedang/pernah (dalam tempoh 3 tahun ke belakang) menjadi Penyelidik Utama (PI) bagi geran luar yang berdaftar dengan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) [dengan nilai minima RM20,000 bagi bidang Sains dan Teknologi (S&T) dan RM5,000 bagi bidang Sains Sosial (SS)].
- vi. Kumpulan penyelidik mesti aktif menyelia pelajar pascasiswazah secara penyelidikan.
- vii. Kumpulan penyelidik mesti mempunyai rekod geran terkumpul sekurang-kurangnya RM100,000 bagi S&T atau RM50,000 bagi SS (dalam tempoh 3 tahun ke belakang, hanya geran yang diketuai oleh ketua/ahli tetap RIG diambil kira).
- viii. Pelantikan sebagai Ahli Tetap RIG adalah dihadkan kepada satu (1) RIG sahaja dan boleh menjadi ahli bersekutu kepada dua (2) CoE/RG/RIG yang lain. Penyelidik hanya boleh menjadi Ketua/Ahli Tetap kepada satu (1) RIG sahaja. Felo Tetap HICoE dan CoE tidak dibenarkan menjadi Ketua atau ahli tetap RG dan RIG. Keahlian sebagai ahli bersekutu dihadkan kepada dua (2) EK sahaja.

- ix. Keahlian penyelidik kampus cawangan dalam RIG di UiTM Selangor adalah digalakkan.
- x. RIG dari kampus cawangan perlu melibatkan penyelidik dari UiTM Selangor yang aktif (minima seorang) untuk diiktiraf sebagai Entiti Kecemerlangan UiTM.
- xi. Proses pendaftaran, kelulusan dan pemantauan pembangunan penyelidikan RIG adalah di bawah tadbir urus Kolej/Fakulti/Kampus cawangan berdasarkan kriteria penubuhan RIG seperti di atas.
- xii. RIG di Fakulti/Kolej/Kampus Cawangan boleh memohon naiktaraf sebagai RG, dan digalakkan melalui gabungan beberapa RIG setelah memenuhi syarat.

## **1.2 Kumpulan Penyelidikan (RG)**

- i. Penubuhan RG adalah tertakluk kepada pengesyoran oleh Jawatankuasa Kecil Entiti Kecemerlangan (JKEK), sokongan oleh Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK), pengesahan oleh Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU) dan seterusnya kelulusan oleh Senat.
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) ahli dan digalakkan termasuk ahli dari luar fakulti/kolej/kampus cawangan.
- iii. Pelantikan sebagai Ahli Tetap RG adalah dihadkan kepada satu (1) RG sahaja dan boleh menjadi ahli bersekutu kepada dua (2) CoE/RG/RIG yang lain. Penyelidik hanya boleh menjadi Ketua/Ahli Tetap kepada satu (1) RG sahaja. Felo Tetap HICoE dan CoE tidak dibenarkan menjadi Ketua atau ahli tetap RG. Walau bagaimanapun keahlian sebagai ahli bersekutu dihadkan kepada dua (2) EK sahaja.
- iv. Kumpulan Penyelidik mesti aktif menyelia pelajar pascasiswazah secara penyelidikan.
- v. Mendapat peratus minima 55% berdasarkan Borang Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan dan Inovasi atau Teras Perkhidmatan) yang digunakan dengan kenaikan 3% setiap tahun dinilai berbanding tahun sebelumnya.
- vi. RG akan berfungsi seperti “pra-CoE” agar bersedia untuk dinaik taraf sebagai CoE. RG boleh memohon menjadi CoE melalui gabungan beberapa RG atau menjadi satu entiti dibawah mana-mana HICoE/CoE sedia ada.

### 1.3 Pusat Kecemerlangan (CoE)

- i. CoE berfungsi sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan terletak di bawah naungan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).
- ii. Penubuhan CoE adalah tertakluk kepada pengesyoran oleh Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK) dan sokongan oleh Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU). Seterusnya, kelulusan penubuhan CoE adalah oleh Majlis Eksekutif Universiti (MEU) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- iii. CoE perlu mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) orang bilangan staf akademik sebagai Felo Tetap. Felo Tetap adalah dilantik dari kalangan staf akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang tujahan CoE sejajar dengan bidang tujahan negara. Staf akademik/penyelidik yang dilantik menjadi Felo Tetap atau Felo Bersekutu di CoE akan dilantik selama lima (5) tahun. Pelantikan semula tertakluk kepada prestasi Felo dengan sokongan Pengarah CoE dan persetujuan Dekan/Rektor/PNC Kolej/Ketua PTJ untuk kelulusan Pejabat TNCPi.
- iv. CoE perlu memilih sama ada Teras Penyelidikan dan Inovasi atau Teras Perkhidmatan seperti yang ditetapkan di dalam Instrumen HICoE.
- v. Mempunyai potensi untuk menjadi sebuah pusat rujukan universiti, negara, serantau dan sejagat. CoE hendaklah berusaha meningkatkan prestasi untuk mencapai tahap lebih tinggi (HICoE).
- vi. Mempunyai Felo Tetap, Felo Bersekutu dan pakar di kalangan ahli akademik, profesor pelawat, penyelidik pasca kedoktoran, wakil industri dan/atau penyelidik.
- vii. Mempunyai Felo Tetap dan Felo Bersekutu yang menunjukkan rekod prestasi yang baik, komposisi kumpulan penyelidik yang kukuh dan kohort generasi yang berbeza bagi menyediakan kumpulan pelapis untuk kelestarian.
- viii. Mendapat peratus minima 65% berdasarkan Borang Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan dan Inovasi atau Teras Perkhidmatan) yang digunapakai dengan kenaikan 3% setiap tahun dan mencapai 80% selepas 5 tahun sebagai CoE.
- ix. Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa.

#### **1.4 Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE)**

- i. HICoE adalah Pusat Kecemerlangan universiti yang diperakui oleh KPT.
- ii. Merupakan CoE yang telah ditubuhkan sekurang-kurangnya lima (5) tahun terdahulu dan mesti diperakui oleh Senat dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk kelulusan.
- iii. CoE telah beroperasi sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) sekurang-kurangnya lima (5) tahun.
- iv. HICoE mempunyai bilangan Felo Tetap dan Felo Bersekutu tertakluk kepada Garis Panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
- v. Felo HICoE adalah dilantik dari kalangan staf akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang tujahan HICoE. Staf akademik/penyelidik yang dilantik menjadi Felo Tetap atau Felo Bersekutu di HICoE berdasarkan kepakaran adalah dengan persetujuan Naib Canselor. Lantikan adalah selama lima (5) tahun, pelantikan semula tertakluk kepada prestasi Felo yang dilantik dengan sokongan Pengarah HICoE dan persetujuan Dekan/Rektor/PNC Kolej/Ketua PTJ.
- vi. HICoE perlu menerajui satu (1) bidang tujahan yang strategik sejajar dengan bidang tujahan negara.
- vii. Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh KPT dari masa ke semasa

#### **1.5 Pusat Kecemerlangan Antarabangsa (WCoE)**

- i. Pusat Kecemerlangan Antarabangsa yang diperakui oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
- ii. Memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh KPT dari masa ke semasa.

## 2.0 TATACARA PENUBUHAN DAN NAIK TARAF ENTITI KECEMERLANGAN

Carta alir penubuhan Entiti Kecemerlangan adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1:** Carta Alir Penubuhan Entiti Kecemerlangan (EK)

WCoE	HICoE	Pusat Kecemerlangan (CoE)	Kumpulan Penyelidikan (RG)	Kumpulan Inisiatif Penyelidikan (RIG)
Mencapai tahap HICoE yang diperakukan oleh KPT selama 3 tahun ↓	CoE ditubuhkan >5 tahun & diperakukan oleh Senat dan LPU ↓	Permohonan daripada RG yang matang atau penggabungan RG multidisiplinari. Pengesyoran JKEK ↓	Permohonan naiktaraf sebagai RG dan pengesyoran JKEK ↓	Pembentangan dan Sokongan Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Kolej/Kampus Cawangan dibawah Kolej/Fakulti/UiTM Negeri ↓
Di isytiharkan sebagai WCoE oleh KPT selepas menepati syarat dan KPI yang ditetapkan	Mengisi borang cadangan penubuhan HICoE yang disediakan oleh KPT ↓	Sokongan JEK & JKIPU ↓	Sokongan JEK & JKIPU ↓	Pengesyoran JKEK dan Kelulusan JEK ↓
	Permohonan dikemukakan ke KPT untuk pertimbangan dan kelulusan	Kelulusan MEU ↓	Kelulusan Senat	Pemakluman di JKIPU dan pendaftaran dengan Nexsus Penyelidikan UiTM (ReNeU)
		Kelulusan Senat dan LPU		

### 3.0 PEMANTAUAN PRESTASI

Setiap EK perlu memenuhi sasaran prestasi yang telah ditetapkan seperti di Jadual 2 agar pencapaian selaras dengan kehendak KPT bagi melahirkan EK bertaraf antarabangsa. Sasaran prestasi ini akan menentukan kedudukan kategori EK tersebut.

#### 3.1 Sasaran Prestasi WCoE, HICoE dan CoE

- i. Penilaian prestasi bagi WCoE, HICoE dan CoE dilaksanakan setahun sekali dengan menggunakan Borang Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan dan Inovasi atau Teras Perkhidmatan) yang digunakan. Jadual 3 dan 4 menunjukkan kriteria penilaian bagi setiap teras. Geran penyelidikan dan penerbitan yang diperoleh oleh Felo Tetap dan Felo Bersekutu yang diambil kira di dalam penilaian ini mestilah berkaitan dengan bidang tujuan EK tersebut.
- ii. Penanda aras prestasi bagi Felo Tetap WCoE, HICoE dan CoE adalah berdasarkan Borang Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan dan Inovasi atau Teras Perkhidmatan) dan Pekeliling Penerbitan TNCPi terkini.

**Jadual 2:** Pengkelasan dan Sasaran Prestasi Entiti Kecemerlangan berdasarkan Templat Borang Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan dan Inovasi atau Teras Perkhidmatan) semasa

INDEKS PETUNJUK PRESTASI	WCoE	HICoE	Pusat Kecemerlangan (CoE)	Kumpulan Penyelidikan (RG)	Kumpulan Inisiatif Penyelidikan (RIG)
<b>Tadbir urus (Governance)</b>	Entiti Kecemerlangan (Berpusat Tanggung Jawab (BerPTJ)) di bawah naungan TNC (P&I)			Entiti Kecemerlangan di bawah pemantauan Nexus Penyelidikan UiTM (ReNeU), TNCPi	Entiti Kecemerlangan dibawah pemantauan Kolej/Fakulti/UiTM Cawangan
<b>Peratus minima</b>	Penarafan oleh KPT	80%	65%	55%	<55%

**Jadual 3:** Kriteria Penilaian Borang Instrumen Penilaian HICoE (Teras Perkhidmatan)

<b>SEKSYEN</b> <b>SECTION</b>	<b>KRITERIA</b> <b>CRITERIA</b>
A	Maklumat Am ( <i>General Information</i> )
B	Perkhidmatan ( <i>Services</i> )
C	Hubungan Pemegang Taruh ( <i>Stakeholder Linkages</i> )
D	Penyelidikan ( <i>Research</i> )
E	Pengiktirafan & Impak ( <i>Recognition &amp; Impact</i> )
F	Sumber ( <i>Resources</i> )

**Jadual 4:** Kriteria Penilaian Borang Instrumen Penilaian HICoE (Teras Penyelidikan dan Inovasi)

<b>SEKSYEN</b> <b>SECTION</b>	<b>KRITERIA</b> <b>CRITERIA</b>
A	Maklumat Am ( <i>General Information</i> )
B	Kuantiti dan Kualiti Penyelidik ( <i>Quantity and Quality of Researchers</i> )
C	Kuantiti dan Kualiti Penyelidikan ( <i>Quantity and Quality of Research</i> )
D	Kuantiti dan Kualiti Pasca-siswazah ( <i>Quantity and Quality of Postgraduates</i> )
E	Inovasi ( <i>Innovation</i> )
F	Perkhidmatan Profesional dan Hadiah ( <i>Professional Services and Gifts</i> )
G	Jaringan dan Hubungan ( <i>Networking and Linkages</i> )
H	Sumber ( <i>Resources</i> )



### **3.2 Penilaian Prestasi Kendiri Dan Keserakanan (Pengauditan) WCoE, HiCoE dan CoE**

Penilaian Prestasi Kendiri dan Keserakanan merupakan kaedah untuk mengukur prestasi dan mengenal pasti objektif, strategi, kelemahan dan kekuatan sesebuah EK.

- i. Aktiviti ini dapat menilai keberkesanan penggunaan sumber kewangan dan modal insan yang telah diperuntukkan oleh UiTM kepada EK.
- ii. Penilaian Prestasi Kendiri ini dapat digunakan berdasarkan markah instrumen untuk menilai pencapaian EK UiTM.
- iii. Pelaksanaan Penilaian Prestasi Kendiri ini tertumpu kepada CoE yang telah ditubuhkan sekurang-kurangnya 3 tahun atau lebih pada tahun ianya dinilai dengan menyediakan laporan berdasarkan aktiviti dan pencapaian untuk tempoh tiga (3) tahun.
- iv. Penilaian Prestasi Keserakanan juga dijalankan selain daripada penilaian prestasi kendiri untuk memastikan hasil penyelidikan/perkhidmatan tercapai dan dibuktikan dalam rekod.
- v. Instrumen yang digunapakai di peringkat universiti perlu selaras sepertimana yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dari masa ke semasa.
- vi. Audit tapak dilaksanakan satu kali (1) setahun bagi HiCoE dan CoE UiTM. Setiap EK perlu mengisi instrumen penilaian HiCoE yang ditetapkan oleh KPT dan mengemaskini semula aktiviti serta menyediakan bahan bukti untuk pengauditan.

### **3.4 Penilaian dan Pemantauan Prestasi RG**

Tujuan penilaian dan pemantauan prestasi adalah untuk memantau pelaksanaan pelan strategi tahunan EK, bagi tujuan penambahbaikan, naik taraf, penggabungan dan/atau pembubaran.

- i. Aktiviti pemantauan prestasi RG dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan mengikut keperluan.
- ii. Setiap RG perlu mengisi dan menghantar laporan pemantauan prestasi mengikut kriteria atau instrumen yang ditetapkan dan mengemaskini semua aktiviti serta menyediakan bahan bukti untuk pemantauan.
- iii. Hasil pemantauan (markah dan cadangan penambahbaikan) akan dibentangkan di Jawatankuasa Kecil Entiti Kecemerlangan sebelum dimajukan kepada setiap RG.

- iv. Pemarkahan hasil pemantauan boleh digunakan oleh setiap RG sebagai pengukur sendiri. Permohonan untuk naik taraf boleh dikemukakan oleh ketua jika sudah memenuhi syarat.
- v. RG yang gagal mencapai sasaran prestasi boleh dituruntaraf ke tahap yang lebih sesuai dengan pencapaiannya.

### **3.4 Naik Taraf Entiti Kecemerlangan (EK)**

- i. RG dan RIG yang berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan layak dipertimbangkan untuk dinaiktaraf seperti dalam Jadual 2.
- ii. RG yang tidak mencapai sasaran tahap yang ditetapkan akan dipantau dan dibantu untuk meningkatkan prestasi.
- iii. Audit Tapak akan dilakukan bagi permohonan untuk dinaik taraf dari RIG kepada RG berdasarkan kriteria Instrumen Penilaian HICoE. RIG yang layak untuk dinaik taraf sebagai RG akan dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK) untuk sokongan. Seterusnya dimajukan ke Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU) untuk pengesyoran dan kelulusan Senat.
- iv. Audit Tapak akan dilakukan bagi permohonan untuk dinaik taraf dari RG kepada CoE berdasarkan kriteria Instrumen Penilaian HICoE. Setiap RG yang layak perlu menyediakan Kertas Kerja yang mengandungi maklumat yang ditetapkan seperti Hala Tuju RG, bidang tujahan dan keahlian yang terlibat sebelum dibentangkan di Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK) untuk sokongan. Seterusnya kertas kerja tersebut dimajukan ke Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU) untuk pengesyoran kelulusan pembentangan di Majlis Eksekutif Universiti (MEU) dan kemudiannya dimajukan ke Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk pengesahan kelulusan.

## 4.0 PENGURUSAN ENTITI KECEMERLANGAN

### 4.1 Pelantikan Pengarah / Ketua Dan Felo

- i. Pelantikan pemimpin sama ada Felo atau Ketua adalah mengikut Jadual 5 di bawah:

**Jadual 5:** Lantikan Pemimpin dan Ahli Entiti Kecemerlangan

TIER	WCoE	HICoE	Pusat Kecemerlangan (CoE)	Kumpulan Penyelidikan (RG)	Kumpulan Inisiatif Penyelidikan (RIG)
Status	BerPTJ	BerPTJ	BerPTJ	Pejabat TNCPI	Kolej/Fakulti/UiTM Negeri
Pemimpin	Pengarah	Pengarah	Pengarah	Ketua	Ketua
Lantikan Pemimpin oleh	Naib Canselor	Naib Canselor	Naib Canselor	Timbalan Naib Canselor	Dekan/PNC Kolej/Rektor
Lantikan Ahli oleh	Naib Canselor	Naib Canselor	Naib Canselor	Timbalan Naib Canselor	Dekan/PNC Kolej/Rektor

- ii. Pelantikan Felo Tetap HICoE dan CoE di kategorikan kepada tiga (3) kategori lantikan iaitu:
1. Felo Utama (*Principal Fellow*) – Profesor Gred VK 7/6/5;
  2. Felo Kanan (*Senior Fellow*) – Profesor Madya Gred DM 53/54/55/56;
  3. Felo Penyelidik (*Research Fellow*) – Pensyarah Kanan Gred DM 51/52
- iii. Pelantikan Ahli RG adalah mengikut cadangan seperti dalam borang permohonan dan selepas disyorkan oleh JKEK, JEK dan seterusnya untuk diluluskan oleh JKIPU. Pelantikan adalah selama dua (2) tahun.
- iv. Pelantikan Felo Tetap melibatkan pertukaran Jabatan semasa ke WCoE, HICoE dan CoE yang berkenaan sepanjang tempoh lantikan yang dipersetujui bagi tempoh selama lima (5) tahun. Oleh itu pelantikan Felo Tetap terhad kepada satu WCoE, HICoE dan CoE sahaja. Felo Tetap akan diletakkan dalam perkhidmatan Trek Penyelidikan.
- v. Jika felo tetap HICoE/CoE memegang jawatan kepimpinan akademik yang melibatkan pertukaran jabatan semasa selain dari CoE/HICoE

tersebut, felo tetap tersebut secara automatik bertukar status sebagai felo bersekutu.

- vi. Pelantikan sebagai Felo Bersekutu terhadap kepada dua (2) EK sahaja.
- vii. Pengarah, Timbalan Pengarah, Felo Tetap dan Felo Bersekutu bagi WCoE, HiCoE dan CoE adalah dilantik oleh Naib Canselor. Mana-mana lantikan selain daripada yang di atas adalah di bawah bidang kuasa Pengarah EK masing-masing.

#### 4.2 AMANAH TUGASAN PENSYARAH (ATP) KETUA DAN AHLI

- **Felo Tetap & Ahli Tetap**

- i. Setiap **Felo Tetap** di HiCoE/CoE adalah secara automatik dalam perkhidmatan trek penyelidikan.
- ii. Setiap **Ahli Tetap** di RG/RIG adalah diberi keutamaan untuk perkhidmatan dalam trek penyelidikan.
- iii. Pengagihan jam Amanah Tugas Pengajaran (ATP) adalah seperti yang diperincikan dalam Pekeliling Akademik Bil. 8/2019 dan Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bil. 1/2020 tertakluk kepada pindaan semasa.
- iv. Pengagihan ATP di bawah K3 bagi Felo Tetap adalah dibawah bidang kuasa Pengarah HiCoE dan CoE.

- **Felo Bersekutu & Ahli Bersekutu**

- i. Setiap Felo Bersekutu dan Ahli Bersekutu diberi keutamaan untuk perkhidmatan dalam trek penyelidikan.
- ii. Pengagihan jam Amanah Tugas Pengajaran (ATP) adalah seperti yang diperincikan dalam Pekeliling Akademik Bil. 8/2019 dan Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bil. 1/2020 tertakluk kepada pindaan semasa.
- iii. Pengagihan ATP di bawah K3 adalah diberikan oleh Dekan/PNC Kolej/Rektor.

## 5.0 INSENTIF

---

- **Insentif untuk Entiti Kecemerlangan UiTM**
  - i. WCoE, HICoE dan CoE boleh melantik Felo Penyelidik, Profesor Pelawat, Penyelidik Pasca Kedoktoran serta calon bagi Program Saintis & Penyelidik Muda (PSPM). Pelantikan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Senat dan bahagian-bahagian berwajib.
  - ii. Universiti bertanggungjawab menyediakan bajet operasi tahunan bagi prasarana yang diperlukan termasuk geran penyelidikan dan peralatan saintifik.
  - iii. Pusat Kecemerlangan berPTJ layak menerima bajet operasi bergantung kepada prestasi tahunan serta perancangan pembangunan.
  - iv. Geran Khas (*Special grant*) boleh diberikan kepada Entiti Kecemerlangan yang berjaya memperolehi geran antarabangsa dan swasta berdasarkan perkiraan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan (JEK) tertakluk kepada kesediaan peruntukan.
  - v. Setiap Pelajar Pasca Siswazah yang berdaftar, penyelia boleh diberi insentif yang berbentuk Geran Khas (*Special grant*) bagi setiap Pelajar Pasca Siswazah yang berdaftar. Penyelia juga boleh diberi insentif jika pelajar mereka bergraduat pada masa yang ditetapkan (GOT).
  - vi. Yuran dan *bench fees* setiap pelajar pasca siswazah yang diselia oleh Felo Tetap sebagai penyelia utama di HICoE dan CoE perlu disalurkan kepada Tabung Amanah HICoE dan CoE tersebut.
  - vii. HICoE, CoE dan RG layak menerima sejumlah insentif kewangan bagi suntikan pembangunan penyelidikan

## 6.0 PERALATAN DAN KEMUDAHAN MAKMAL

---

- i. Peralatan berteknologi tinggi yang bernilai lebih daripada RM 500,000 adalah dikategorikan sebagai peralatan sepunya. Peralatan ini akan dikendalikan oleh Pegawai Sains @ staf terlatih di setiap makmal berkenaan.
- ii. Perkhidmatan makmal berteknologi tinggi boleh dimanfaatkan oleh semua warga universiti berdasarkan persetujuan di CoE.

- iii. Universiti perlu menyediakan peruntukan khas kos penyelenggaraan peralatan sepusat untuk disalurkan kepada pejabat TNCPI berdasarkan keperluan HICoE, CoE dan RG.
- iv. Maklumat peralatan dan instrumen sepunya perlu di pusat/didaftar dalam Sistem Maklumat Peralatan sepusat. Peralatan Makmal Sepunya diurus dan dipantau oleh pejabat TNCPI.
- v. HICoE, CoE dan RG perlu merangka strategi untuk mendapatkan pengiktirafan makmal penyelidikan daripada badan bertauliah mengikut piawaian GMP/GLP/ISO17025.